

KDNK suku ketiga Malaysia dijangka lemah

Prestasi ekonomi negara pada suku ketiga 2021 dijangka lemah berbanding suku kedua 2021 berikutan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali ketiga pada pertengahan Mei, selain Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai awal Jun, kata ahli ekonomi.

Pada suku kedua tahun ini, ekonomi negara berkembang 16.1 peratus berbanding penguncupan 17.1 peratus pada suku sama tahun lalu.

Manakala, pada suku pertama, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mencatat penguncupan 0.5 peratus dengan pertumbuhan pada keseluruhan separuh separuh pertama tahun ini adalah 7.1 peratus.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pihaknya menjangkakan KDNK pada suku ketiga 2021 menguncup 3.3 peratus.

Beliau berkata, ia berikutan PKP 3.0 yang dilaksanakan dalam tempoh berkenaan, terutama bagi negeri utama seperti Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan masih berada dalam Fasa 1 Pelan PPN sehingga pertengahan September.

Katanya, berdasarkan data sedia ada, indeks volum perkhidmatan menguncup 7.5 peratus pada suku ketiga berbanding pertumbuhan positif 17.7 peratus pada suku kedua.

"Ini bererti, sektor perkhidmatan dilihat terjejas teruk akibat pelaksanaan PKP 3.0. Begitu juga dengan Indeks Pengeluaran Industri (IPI) yang menguncup 1.1 peratus pada suku ketiga. Justeru, KDNK dilihat bakal menguncup pada suku ketiga," katanya kepada BH.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) dijadual mengumumkan prestasi ekonomi negara bagi suku ketiga 2021, esok.

Mohd Afzanizam bagaimanapun berkata, petunjuk sentimen pengguna dan perniagaan seperti Indeks Sentimen Pengguna dan Indeks Keadaan Perniagaan mencatatkan peningkatan kepada 101.7 mata dan 97 mata pada suku ketiga berbanding 64.3 mata dan 87.5 mata pada tempoh sebelumnya.

Beliau berkata, ia bermakna situasi ekonomi semakin baik apabila banyak negeri mula berpindah ke fasa PPN lebih tinggi yang terbukti apabila kadar pengangguran dilihat merosot ke paras 4.5 peratus setakat September berbanding 4.8 peratus pada Jun lalu.

"Dari segi jumlah penganggur, ia susut daripada 769,000 pada Jun kepada 730,000 pada September lalu. Justeru, KDNK pada suku keempat dijangka lebih baik daripada suku ketiga 2021," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi AmBank Research, Dr Anthony Dass, berkata pihaknya menjangkakan KDNK bagi suku ketiga 2021 menguncup 1.5 peratus.

Beliau berkata, unjuran penguncupan yang lebih baik itu berikutan kemajuan pengurusan COVID-19, pertumbuhan luaran yang sihat dan peningkatan harga komoditi.

"Prestasi dijangka lebih baik pada suku keempat 2021, disokong pembukaan semula sempadan.

"Ekonomi secara keseluruhan kini boleh mencapai 4 peratus bagi keseluruhan tahun dipacu peningkatan KDNK suku keempat yang diunjurkan pada 1.9 peratus," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Penyelidikan, Strategi Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB), Maslynnawati Ahmad dalam program The Brief Bernama TV, berkata unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 6 peratus bagi tahun depan mampu dicapai, namun risiko penurunan masih wujud berikutan krisis rantaian bekalan pada peringkat global sukar diselesaikan masa terdekat.

Malah, beliau berkata, terdapat kemungkinan permintaan berkurangan sebagai reaksi terhadap jangkaan penarikan balik dasar atau langkah rangsangan ekonomi yang dilaksana di kebanyakan negara maju.

Katanya, bagi Malaysia, ketidaktentuan mengenai secepat mana perniagaan dapat memenuhi permintaan dari segi kapasiti dan perubahan struktur agar selari dengan norma baharu, keinginan pelanggan dan teknologi baharu pula boleh menjejaskan prospek pertumbuhan itu.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/11/886041/kdnk-suku-ketiga-malaysia-dijangka-lemah>